

# Usah sia-siakan perjuangan tokoh terdahulu

Presiden mahu ahli dan pemimpin Umno bekerja keras memaju dan memartabatkan bangsa

**K**ITA berdiri di sini untuk memperingati hari lahir parti kita yang disayangi untuk memperingati diri kita tentang perjuangan dan melahirkan kesyukuran kita kepada Allah SWT kerana pada hari ini, Umno walaupun berusia 60 tahun, bilangan ahlinya bertambah lebih 3 juta.

Kalau dulu Umno hanya ada Pergerakan Wanita dan Pergerakan Pemuda, hari kita bersyukur kerana kelahiran Putera dan Puteri Umno kita ini bermakna bahawasanya anak-anak muda kita peringkat umur remaja turut serta menyertai perjuangan kita.

Memahami dan menimba pengalaman supaya nanti apabila tiba masanya mereka tampil ke hadapan untuk memimpin parti dan bangsa. Mereka cukup setia dan faham perjuangan parti kita.

Juga kita jangan lupa kepada jasa dan pengorbanan yang telah diberikan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan mereka yang pada peringkat awal lagi berada pada waktu Umno dilahirkan.

Kalau tidak kerana kesungguhan perjuangan mereka yang mula-mulanya diketuai oleh tokoh yang kita muliakan - Datuk Onn Jaafar dan kemudian diikuti presiden parti bermula dengan Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn, Tun Dr Ismail dan pemimpin sebelum saya Tun Dr Mahathir Mohamad. Yang telah kembali ke rahmatullah juga banyak lagi sama ada pemimpin Umno di peringkat kampung yang jasa dan pengorbanan mereka tidak kurang hebat dan bernilai kepada perjuangan bangsa.

Mari lah kita dalam perhimpunan yang begini ramai dalam cuaca panas terik seperti ini sama ada yang berjauhan di bawah pokok-pokok, marilah kita semua baca Suratul Fatihah... akan menerima pahalanya dan mencucuri rahmat ke atas roh mereka.

1957 kita jadi bangsa merdeka.

Itulah kejayaan kita yang kedua selepas itu tiba masanya kita perlu memenuhi perjuangan kita dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk memartabatkan bangsa yang hidup merdeka mesti jadi bangsa yang ada martabat, bukan saja hidup untuk merdeka dan berdaulat, tapi hidup perlu bermartabat. Masa berjuang meniti kemerdekaan itu, Islam dan perjuangannya cukup gigih - satu perjuangan berbeza dengan sebelumnya ialah berjuang untuk menghapuskan pengangguran dan kemiskinan, berjuang memela bangsa.

Maka dengan itu, kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya yang diadakan kerajaan dipimpin oleh pemimpin pilihan rakyat. Kerajaan yang ditubuhkan sebagai kerajaan berjiwa rakyat yang tidak putus-putus merancang membangunkan bangsa dan negara.

Kita menghadapi pelbagai masalah dan rintangan apabila kita merdeka kita masih menghadapi keganasan daripada ahli parti komunis Malaya. Pada masa itu British gagal menumpuskannya tetapi apabila kita merdeka dengan kekuatan kerajaan yang didukung rakyat, kita berjaya menghapuskan kedaulatan komunis itu.

Sekali lagi yang menemukan kekuatan dan bukti yang nyata adalah kekuatan rakyat dan kerajaan yang digabungkan untuk menunjukkan betapa bencinya kita kepada keganasan yang dilakukan dalam negara kita yang bertujuan untuk menggulingkan kerajaan dan hak yang wujud dengan sokongan dan dokongan rakyat.

Selepas itu, Malaysia menjadikan negara lebih luas lagi lebih besar daripada Semenanjung Tanah Melayu, kita pula menghadapi konfrantasi dan sekali lagi kita tertekan menghadapi dengan kecekalan hati dan keyakinan dengan berpegang kuat kepada fahaman bahawasanya kekuatan datang dari muafakat dan



BERSEMANGAT: Abdullah berucap pada majlis sambutan Ulang Tahun Umno ke-60, di Istana Besar, Johor Bahru, semalam.

**“ Kita dapat mengakui dengan sebenar dan seikhlasnya parti Umno sejak ia berjuang telah mencapai kejayaan dan berjasa kepada bangsanya ”**

Saudara sekalian, Pertama saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakaf sembah kepada Sultan Johor kerana telah pun berkenan mengizinkan kita menggunakan tempat ini tempat lahirnya Umno 60 tahun dulu.

Kepada Sultan yang disayangi rakyat Johor yang dihormati rakyat seluruh negara, saya atas nama presiden parti mewakili semua ahli Umno sama ada yang ada di depan padang ini ataupun yang di rumah mengikuti siaran televisyen, saya ingin merakaf sembah yang setinggi-tingginya kepada yang Amat Mulia Tengku kerana mengizinkan patik semua menggunakan tempat ini untuk memperingati Umno, parti yang kita sayangi.

Kita mengenang perjuangan Umno. Kita akan dapat mengakui walaupun pelbagai masalah yang kita alami, kita dapat mengakui dengan sebenar dan seikhlasnya parti Umno sejak ia berjuang telah mencapai kejayaan dan berjasa kepada bangsanya.

Bermula dengan perjuangan gagasan Malayan Union, satu kejayaan hebat yang dapat dilihat apabila bangsa Melayu muncul tampil ke hadapan dengan perpaduan yang tidak pernah dilihat oleh sejarah bangsa kita yang menyatupadukan pelbagai kaum yang begitu ramai yang telah mengetepikan suku kaum mereka sama ada mereka orang Bugis, sama ada mereka orang Jawa, orang Patani, Minangkabau, Aceh dan lain lain lagi serta bersedia mengetepikan dengan niat dan tujuan untuk bersatu padu atas nama bangsa yang besar iaitu Umno. Melayu bersatu padu atas kekuatan yang ada untuk menumbangkan Malayan Union. Hidup Melayu menjadi seruan yang membawa kita bersama.

Diikuti dengan perjuangan yang dibawa Yang Mulia Tunku Abd Rahman dan rakan-rakannya membawa kita ke satu lagi langkah ke hadapan menjadi bangsa yang merdeka. Seruan merdeka telah kita terima dengan senang hati di mana-mana saja ada perhimpunan Umno kecil atau besar suara merdeka sering dilayangkan bagi memperingati bangsa kita terus berada di setiap pelusuk negara ini yang kita bangga. Mereka mahu merdeka, mahu berjaya yang dikehendaki dalam perjuangan kemerdekaan.

Alhamdulillah berkat muafakat, berkat kerjasama berkat kesatuan rakyat dan perpaduan seperti dikehendaki agama. Allah telah memberkati perjuangan yang jujur dan ikhlas yang hanya ingin melihat bangsa Melayu merdeka di buminya, kita telah dirahmati Allah dengan perjuangan kita pada tanggal 31 Ogos

kerjasama agar rakyat dan kerajaan kita telah mencapai kejayaan mengatasi konfrantasi yang mengancam kedudukan negara.

Saudara dan saudari, Begitu halnya dengan ancaman dan halangan ekonomi yang telah kita hadapi sebagai masalah kemelesetan ekonomi, krisis mata wang yang begitu dahsyat yang tidak kita alami sebelumnya tetapi Alhamdulillah berkat muafakat dan kerjasama, kita dapat menghapus dan mengatasi semuanya dan dapat mengekalkan kedudukan untuk meneruskan perjuangan kita itu.

Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah SWT, parti yang kita ada masih kuat walaupun menghadapi pelbagai masalah dan dulu pernah dibatalkan daripada pendaftaran tetapi walaupun pembatalan itu berlaku kita amat memahaminya yang ada dalam sanubari dan fikiran kita ialah satu perjuangan yang tidak boleh dihapuskan oleh mana-mana pihak.

Dengan kekuatan semangat Melayu bersatu, maka kita bina semula Umno di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada masa itu sampailah ke hari ini Umno menjadi parti yang kuat, gagah dan boleh berjasa kepada bangsa kita.

Pelajaran telah memberikan kita kejayaan. Kalau masa dulu, doktor, peguam, jurutera lebih 40 tahun dulu jarang kita lihat wajah mereka, jarang mendengar Melayu bergelar jurutera, doktor atau peguam, tapi hari ini perhimpunan itu sudah ramai. Jadi, dalam perhimpunan kita hari ini berpuh-puluh doktor, peguam dan jurutera bersama-sama kita hari ini yang menganggotai Umno.

Kita mahu supaya kita menjadi bangsa gagah, jadi kita perlu kekuatan agar ramai anak kita, anggota masyarakat yang berilmu dan berpengetahuan sains dan teknologi. Kalau masa dulu, tidak ada kumpulan yang boleh dipanggil sebagai saintis bangsa kita, saintis Melayu. Tak ada tuan-tuan, saya tau, umur saya pun 60 tahun lebih, tak ada.

Tetapi hari ini kita bersyukur kepada Allah SWT dalam masyarakat kita sudah muncul masyarakat saintis, teknologi dikalangan bangsa kita.

tiada industri kelapa sawit dan yang ada hanyalah penanaman kelapa sawit dapat minyak, eksport minyak ke luar negara dan banyak pergi ke England. Selepas British pergi dan ramai anak-anak kita yang terbabit, barulah penyelidikan kelapa sawit, minyak kelapa sawit dan bidang penyelidikan yang berkaitan dengan usaha untuk komersialkan apa yang telah ditemui dalam penyelidikan.

Hari ini kita lihat pelbagai barang dan produk yang telah kita peroleh daripada pokok yang diberkati Allah SWT - daripada daun, pelepah, biji yang ada minyak kepada batang kelapa sawit pelbagai produk yang kita peroleh yang telah memberi keajaiban kepada kita yang telah menghasilkan pendapatan yang bertambah kepada negara kita ini.

Tuan-tuan tahu, tak perlulah Pak Lah hurai kan satu per satu produk kelapa sawit yang ada untuk makanan, untuk ubat-ubatan, keperluan industri. Hasil daripada usaha gigih, kepandaian kepintaran anak kita yang terbabit dengan penyelidikan kelapa sawit.

Hari ini, pada waktu kita menghadapi masalah berkaitan dengan minyak dengan harga bertambah naik, usaha saintis kita yang diberkati Allah SWT, kita telah menemui lagi satu minyak iaitu biofuel yang dihasilkan daripada kajian anak kita, bukan orang putih, bukan orang Australia yang datang dari luar. Bukan, tetapi anak kita yang datang dari kampung yang ayah mereka di kalangan petani dan penoreh getah yang ayah mereka dari kalangan masyarakat nelayan kecil dan penoreka Felda.

Begitu juga dengan pengurusan dalam bidang industri getah, banyak yang diperolehi satu demi satu. Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah SWT, penanaman padi semakin bertambah baik, benihnya makin bermutu, hasil semakin meningkat jika dibanding pada masa dulu. Kita hendak buat perubahan kepada cara menanam, cara menuai dan sebagainya supaya kerugian dapat dikurangkan dan adolah-bolehnya dihapuskan. Ini adalah kejayaan kita.

Hasil yang diperolehi anak kita yang mencurah titik peluh mereka sendiri yang bekerja berjam-jam lamanya untuk mendapat sesuatu daripada penyelidikan mereka. Mereka

**“ Kita sediakan perancangan dan kita tak pernah putus idea. Kita tidak pernah kehilangan akal untuk memikirkan apa yang terbaik untuk bangsa dan negara ”**

sebenarnya golongan saintis yang memahami bahawa ajaran al-Quran itu, Allah Taala menjadikan semua nikmat bagi kamu dan kamu tidak boleh menghindarkan banyaknya nikmat yang Allah beri kepada kita. Nikmat yang atas kejadian alam, kejadian malam dan siang dengan cahaya matahari pada waktu siang dengan cahaya yang banyak pada waktu siang dan proses kimia pada waktu malam, semua ini menjadikan diri kita disediakan dengan pelbagai nikmat.

Kita juga memahami apa yang dikehendaki Allah SWT (ayat al-Quran) dengan ciptaan langit dan bumi serta siang dan malam. Inilah tanda-tanda untuk umul albab. Siapa umul albab itu. Umul albab bukan kitab. Umul albab adalah saintis.

Kita mahu mereka menjadi golongan yang beriman ini menunjukkan kita adalah insan yang ada pada diri mereka. Kita mahu mereka menjadi orang beriman yang memahami bahawa segala-gala usaha yang dijalankan itu bahawasanya kerana Allah bagi menambahkan lagi nikmat kepada insan hasil daripada penyelidikan atas nikmat yang dijadikan oleh Allah SWT, segala nikmat yang diberikan Allah bukan sia-sia belaka.

Cuma yang diberikan ialah kemampuan insan yang berilmu serta berfikir dan mempunyai iktibar dan nikmat yang diberikan kepada mereka itu serta mereka jadikan nanti keperluan bagi mereka seperti hidup dalam keadaan senang dan bersyukur kepada Allah SWT.

Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah SWT sekarang kita mahu usaha dipertingkatkan lagi sementara kita mengambil perhatian kita mengambil kira pengajian kita dalam sektor perkilangan dan perindustrian yang diteruskan dan dipertingkatkan kejayaannya dan keupayaan memperkenalkan ilmu bioteknologi dan ICT digabungkan dengan kekuatan memperkasakan pertanian yang menjadi pekerjaan yang perlu dibabitkan orang kita yang perlu diperkasakan dan diperkayakan demi ramai bangsa kita yang terbabit dalam sektor ini.

Ia bukan satu langkah mundur kebelakang tetapi ini adalah satu langkah untuk kita maju ke hadapan. Kita tahu bahawasanya ini adalah peringkat Industri masa depan akan diterajui oleh gabungan bioteknologi dan ICT. Kedua-dua ini perlu kita pelajari dan kita perlu mencapai kejayaan.

Saudara dan saudari, Maka dengan perancangan yang kita ambil mestilah kita jayakan. Alhamdulillah sejak dulu bermula dengan Perdana Menteri dulu sampai ke Tun Dr Mahathir dan mudah-mudahan dengan apa yang saya lakukan ini baik juga.

Kita sediakan perancangan dan kita tak pernah putus idea. Kita tidak pernah kehilangan akal untuk memikirkan apa yang terbaik untuk bangsa dan negara. Rancangan lima tahun telah pun

**“ Jadikan Islam Hadhari itu sebagai cara hidup kita dan sebagai pendorong yang kuat untuk mencapai kejayaan kita semoga Tuhan akan memberkati kita ”**

dilaksanakan. rancangan yang besar seperti rancangan yang dilaksanakan mengikut Dasar Ekonomi Baru rancangan wawasan kita wawasan negara untuk menjadikan kita menjadikan bangsa maju dan berjaya di masa hadapan pada tahun 2020 In-sya-Allah.

Setelah waktu banyak kita gunakan untuk kita membangunkan negara ini, untuk pembangunan bangsa dan bangsa pun jadi maju. Kini saya dan Datuk Seri Mohd Najib serta kawan-kawan lain sedang berfikir dan merancang apakah yang boleh dilakukan 14 ke 15 tahun akan datang untuk mencapai matlamat negara maju Wawasan 2020.

Pemimpin terdahulu sebelum saya telah menghadiahkan sesuatu kepada bangsa kita. Datuk Onn menghadiahkan satu idea yang menyatupadukan bangsa Melayu tanpa mengambilkira suku kaum dan kedudukan.

Tunku Abdul Rahman, pejuang Umno yang gigih itu telah menghadiahkan kepada orang Melayu dan penduduk Malaysia yang menyokong perjuangan Umno iaitu hadiah yang paling bernilai iaitu kemerdekaan untuk semua kaum di negara ini. Pemimpin yang berjuang itu telah membawa kemerdekaan bagi meningkatkan martabat bangsa kita ini adalah penting dan banyak jasa yang telah diberi sampailah 14 tahun lagi untuk mencapai matlamat wawasan 2020.

Ini memerlukan kekuatan daripada kita maka dengan itu pembangunan tenaga insan mesti menjadi satu komponen yang tertinggi dan kepelbagaian kalau kita mahu jadi bangsa yang maju kita tidak memiliki komponen modal insan dalam semua aspek kita perlu kekuatan pembangunan modal insan demi untuk menjayakan pembangunan kita kalau kita ada pembangunan dan rancangan ia belum pasti dapat dijayakan dengan baik jika tidak didukung dengan usaha rakyat yang tinggi kebolehan, ilmu pengetahuan dan kemahirannya.

Selain modal insan dengan ilmu pengetahuan untuk bekerja dengan cara memberi kemahiran untuk bekerja dengan baik dan tetapi yang pentingnya juga pembangunan Islam Hadhari mesti dibangunkan dengan kekuatan kekuatan iman dan moral tidak ada gunanya dan apa erti mahir kalau kemahirannya membuat sesua-

tu untuk membuli, pecah rumah dan sebagainya. Kita tidak mahu kepandaian yang tidak dipandu dengan kekuatan iman dan moral yang tinggi.

Kekuatan ilmu, kesihatan badan dan ketinggian moral melambangkan ketinggian iman. ini akan menjadikan bangsa kita maju. Kita harus faham kita boleh maju seperti kejayaan negara Islam pada zaman dulu. Kita bangga dengan kejayaan yang mereka peroleh.

Orang Islam zaman dulu telah menjadi satu warisan yang terbilang dan gemilang dalam pelbagai bidang dan cemerlang dalam sumbangan kepada bidang sains dan teknologi.

Jadikan Islam Hadhari itu sebagai cara hidup kita dan sebagai pendorong yang kuat untuk mencapai kejayaan kita semoga Tuhan akan berikati kita tetapi kita juga kena berjanji pada diri kita supaya mentaati perintah Allah dan mengukui semua umat Islam adalah bersaudara. Ini adalah antara suruhan Allah yang perlu menjadi amalan kita jika mahu menjadi bangsa yang berjaya.

Allah berfirman yang jelas maksudnya iaitu jangan kamu berbalah nanti kamu gagal dan hilang kekuatan kamu. Itulah firman Allah SWT yang perlu menjadi ingatan kepada kita semua sebagai pejuang-pejuang bangsa yang inginkan perpaduan dan kekuatan dan menjayakan perjuangan parti kita. Inilah patut menjadi pegangan kita.

Jadikanlah Wawasan 2020 satu insentif yang mesti kita capai dan kita menghadiahkan satu lagi hadiah kepada bangsa kita iaitu bangsa Melayu, bangsa maju, negara maju.

Mudah-mudahan pemimpin kita pada waktu itu akan dapat bangun dengan penuh kesyukuran kepada Allah SWT dan dapat mengemukakan kepada bangsa kita kepada seluruh negara rakyatnya pada tarikh ini setelah dikaji secara dalamnya segala aspek pengajian yang diperoleh kita boleh mengemukakan bahawa bangsa maju dan negara kita maju.

Janganlah hendaknya pada masa itu - pada 2020 akan ada lagi soalan-soalan yang akan dikemukakan lagi oleh perkhidmatan menteri pada ketika itu apakah kejayaan yang kita peroleh dan kemajuan yang dicapai seperti yang diharapkan.

Oleh itu, Tuhan akan berikati kita jika tidak lupa dengan ajaran agama kerana agama menjadi panduan dan seluruh perjuangan adalah ibadah, beranikan diri kita untuk terus berjuang kerana ia adalah perbuatan rasuah, tidak terdorong dengan penyelewengan dan yang tidak memberi manfaat kepada kita.

Kita perlu bekerja bersungguh-sungguh dan kita perlu berdoa. Kerja dulu baru berdoa dan bertawakal kepada Allah. In-sya-Allah semoga kejayaan akan menjadi hak kita di masa depan yang lebih cemerlang kepada bangsa dan negara kita. Hidup Melayu, Hidup Melayu, Hidup Melayu. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.